

Edisi Sept – Dis 2020

TAKLIMAT PERSEDIAAN MENGHADAPI MUSIM TENGGUJUH



Pengarah Pejabat Meteorologi Pahang, Encik Khairul Najib telah menghadiri dan menyampaikan taklimat di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 13 November 2020.

Turut hadir ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr. Salehuddin Ishak dan Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Abd. Jalil Hassan.

(Kredit gambar daripada Istana Negara)



Rencana Pengarang

Saudara, Saudari pembaca budiman ...

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Berita Meteorologi Edisi Ketiga 2020 ini merupakan edisi akhir untuk tahun 2020. Tahun ini yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran dan dugaan menghadapi pandemik COVID-19. Pematuhan SOP dan amalan norma-norma baharu perlu diteruskan bagi membolehkan kita sama-sama mengekang penularan wabak ini.

Pada penghujung tahun sepertimana kelazimannya setiap penjawat awam akan mengisi pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) masing-masing termasuk warga jabatan. Semoga kita semua terus berusaha meningkatkan kualiti kerja yang cemerlang supaya perkhidmatan jabatan sentiasa memenuhi keperluan *stakeholders* dan orang awam.

Di kesempatan ini, selaku Ketua Pengarang saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada Penasihat dan semua Ahli Jawatan kuasa (AJK) Berita Meteorologi 2019/2020 atas sumbangan idea, bimbingan dan kerjasama yang diberikan bagi membolehkan Berita Meteorologi dapat terus diterbitkan dan menjadi platform penyampaian maklumat kepada warga jabatan khususnya dan orang awam amnya.

Semoga barisan AJK yang baharu akan terus cemerlang dan kreatif dalam memastikan Berita Meteorologi sentiasa menjadi wadah yang segar dan padat untuk semua. Akhir kata, marilah kita renungkan kata-kata hikmah berikut untuk memanfaatkan kita semua.

"Perubahan Yang Kecil Mampu Mengubah Perkara Yang Besar"



Salam Mesra,
Ramlan Ab Rahman
Ketua Pengarang

Rencana Pengarang

SIDANG PENGARANG



Penasihat

YBrs. Dr. Mohd Hisham Mohd Anip

Ketua Pengarang

Encik Ramlan Ab Rahman

Pengarang Eksekutif

YBrs. Dr. Fariza Yunus

Pengarang

Puan Lucia Enggong

Puan Nor Khafiza Manan

Puan Rosita Galang

Puan Siti Norbaizura Mat Said

Puan Marcella James J.

Encik Rosmadinor Mohamad

Encik Mohd Ridzuan Adam

Puan Wan Fariza Mustafah

Puan Dayang Norazila Awang Bima

Puan Siti Badderiah Hamim

Pegawai Perhubungan Awam

Puan Malini a/p Kunjappan

Reka Bentuk

Encik Ab. Rahman Buang

Puan Lillian Nasharidah Boney Abdullah

Juru Foto

Encik Rosli Abu Bakar

Urus Setia

Puan Marina Ismail

Puan Sytee Syafarina Jaafar



Aktiviti Jabatan

SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2020



Pada 16 September 2020, YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) merasmikan Sambutan Hari Malaysia 2020 bersama dengan agensi-agensi KASA di Sabah iaitu Pejabat Meteorologi Sabah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah. Dalam program ini, YB Timbalan Menteri telah melancarkan program pembersihan pantai warga KASA Sabah dengan wakil NGO Trash Hero.

MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA STRATEGIK



Pada 9 November 2020 bertempat di Pusat Hidrografi Nasional, Pulau Indah telah berlangsung majlis menandatangani Nota Kerjasama Strategik (NKS) antara MET Malaysia dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melalui Pusat Hidrografi Nasional (PHN). NKS ini telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah MET Malaysia, Encik Jailan bin Simon dan Ketua Pengarah Hidrografi bagi pihak TLDM, Laksamana Muda Dato' Hanafiah bin Hassan.

Dengan termeterainya NKS ini, TLDM dan MET Malaysia akan bekerjasama di dalam bidang latihan, konsultasi teknikal, guna sama data dan perkongsian fasiliti bagi menyokong keperluan pengoperasian kedua-dua agensi.



Aktiviti Jabatan

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH AGENSI PENGURUSAN BENCANA (NADMA)



Pada 1 Disember 2020, Ketua Pengarah NADMA, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim telah mengadakan kunjungan hormat buat kali pertama ke Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia sejak dilantik sebagai Ketua Pengarah NADMA pada 1 Oktober 2020. Kunjungan ini bagi membincangkan tentang persiapan dan kesiapsiagaan semasa menghadapi Monsun Timur Laut 2020/2021 yang telah bermula sejak 11 November 2020. Di samping itu, kerjasama serta perancangan strategik antara kedua-dua agensi pada masa akan datang juga telah dibincangkan bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama dalam pengurusan bencana demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat.



Aktiviti Jabatan

FORUM IKLIM KEBANGSAAN MONSUN TIMUR LAUT 2020/2021



Seramai 96 orang peserta dari pelbagai agensi telah menyertai webinar ini melalui aplikasi Zoom, manakala tontonan sebanyak 4.5k telah diraih melalui FB Live. Forum ini disertai oleh pegawai-pegawai dari Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Lembaga Tabung Haji, Tenaga Nasional Berhad, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Institusi Pengajian Tinggi.



Aktiviti Jabatan

HARI KESEDARAN TSUNAMI SEDUNIA TAHUN 2020

5 NOVEMBER 2020 HARI KESEDARAN TSUNAMI SEDUNIA

Sasaran Global (e) Kerangka Kerja Sendai
Meningkatkan bilangan negara yang mempunyai strategi pengurangan risiko bencana kebangsaan dan tempatan menjelang akhir 2020

- ✓ Bersama tingkakan kesedaran tsunami
- ✓ Sebarkan informasi Hari Kesedaran Tsunami Sedunia
- ✓ Sokong Hari Kesedaran Tsunami Sedunia

#TsunamiDay #Plan2Survive

Tanggal 05 November telah diisytiharkan sebagai 'Hari Kesedaran Tsunami Sedunia' atau *World Tsunami Awareness Day* (WTAD) bertujuan untuk memupuk kesedaran, moraliti dan kesiapsiagaan setiap negara di peringkat antarabangsa terhadap bencana tsunami selain memperingati kejadian-kejadian tsunami di seluruh dunia.

APA YANG PERLU KITA LAKUKAN?

1. Tingkatkan ilmu pengetahuan tentang risiko & kesiapsiagaan tsunami
2. Ketahui dan ikuti Sistem Awasan Awal Tsunami MET Malaysia
3. Latihan pergerakan keselamatan tsunami di rumah & tempat kerja
4. Ketahui dan kenal rakan-rakan keluarga dan jiran
5. Ketahui dan kenal jiran dan komuniti sekitar anda

5 NOVEMBER 2020 HARI KESEDARAN TSUNAMI SEDUNIA

myCuaca
metmalaysia
malaysianmet
malaysiamet

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR
Jalan Sultan 48887 Dataran Jaya, Putrajaya
Telefon: 03 7957 8000 | FAKS: 03 7957 8001
E-mel: mmd@met.gov.my

Talian Hotline MET Malaysia: 1300 22 1638
Laman Web MET Malaysia: www.met.gov.my
Laman Web myGempa: mygempa.met.gov.my

Tahun ini merupakan tahun kelima sambutan WTAD dengan tema pengumuman adalah untuk mempromosikan Sasaran Global (e) Kerangka Kerja Sendai Bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030: Meningkatkan bilangan negara yang mempunyai strategi pengurangan risiko bencana kebangsaan dan tempatan menjelang 2020.

Aktiviti Jabatan

Disebabkan wabak pandemik COVID-19 yang masih menular, pemerkasaan kesedaran awam tentang tsunami dilakukan menerusi penggunaan teknologi maya dengan menyediakan maklumat, informasi pendidikan serta penulisan ilmiah yang boleh dicapai di akhbar tempatan, laman web Jabatan serta perkongsian maklumat di media sosial rasmi Jabatan (Facebook, Instagram dan Twitter). Hebahan dan pendekatan menerusi wawancara di radio dan televisyen turut dilaksanakan untuk mendekati masyarakat dan menyebarkan ilmu pengetahuan dengan lebih meluas.



The poster features a man in a suit and glasses on the left. The text on the right includes the logos of the Malaysian Meteorological Department and media partners, followed by the event title and date.

TEMU BUAL
HARI KESEDARAN
TSUNAMI SEDUNIA 2020
BERSAMA
ENCIK MUHAMMAD HELMI BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
5 NOVEMBER 2020 | 8.30 PAGI



The poster features a circular portrait of a man on the left. The text on the right includes the program name, date, time, and host details.

BERNAMA RADIO
PROGRAM: KITA JAGA KITA
HARI KESEDARAN
TSUNAMI SEDUNIA
RABU
4 NOVEMBER 2020
PUKUL : 9.15 PAGI
**DR. MOHD HISHAM
BIN MOHD ANIP**
TIMBALAN KETUA PENGARAH (STRATEGIK & TEKNIKAL)
JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
BERNAMA RADIO
FREKUENSI SIARAN :
LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 106.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI PULAU PINANG

Paras air di empangan-empangan di Pulau Pinang menunjukkan bacaan yang kritikal pada bulan November 2020. Bahagian Kawal Selia Air (BKSA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah memohon MET Malaysia untuk melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di kawasan tadahan dan empangan dalam usaha meningkatkan sumber bekalan air di kawasan tersebut.



MET Malaysia dengan kerjasama syarikat swasta, AFJets telah melaksanakan OPA secara kaedah pembenihan kering (pembakaran hygroscopic flare) di Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam sebanyak 7 kali iaitu pada 6-10 November 2020 dan 20-21 November 2020 menggunakan pesawat Cessna 340A yang berpangkalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.



MONSUN TIMUR LAUT 2020/2021

Monsun Timur Laut (MTL) atau musim tengkujuh di Malaysia dicirikan oleh angin yang bertiup secara konsisten dari arah timur laut. Monsun ini juga sinonim dengan kejadian banjir, terutamanya di kawasan Pantai Timur Semenanjung, timur Johor, kawasan pantai Sarawak dan pantai timur Sabah akibat daripada episod hujan lebat menyeluruh yang berterusan selama dua hingga tiga hari disebabkan oleh luruan monsun. MTL 2020/2021 telah bermula pada 11 November 2020 dan dijangka berakhir pada Mac 2021. Sepanjang MTL 2020/2021, dijangka terdapat antara empat hingga enam episod kejadian hujan lebat. Pada fasa awal MTL (November 2020 hingga Januari 2021), cuaca lembap dijangka berlaku di pantai timur Semenanjung iaitu bermula di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Hujan lebat monsun secara perlahan-lahan akan beranjak ke selatan Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Kejadian hujan monsun di beberapa negeri terutama di sebelah Pantai Timur Semenanjung mulai berkurang menjelang Januari 2021. Sehingga awal Disember 2020, MET Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 20 amaran hujan berterusan yang melibatkan amaran baharu, kemas kini serta naik taraf amaran sehingga ke peringkat bahaya.



Temu bual Ketua Pengarah MET Malaysia Bersama Berita TV3 pada 22 November 2020

Aktiviti Jabatan

MAJLIS PENYERAHAN MENARA RADAR CUACA MIRI DAN KUANTAN

Miri, Sarawak

Majlis Penyerahan Menara Radar Cuaca Miri telah berlangsung pada 30 Oktober 2020 bertempat di Stesen Meteorologi Radar (SMR) Miri, Sarawak. Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak ini dihadiri oleh Ir. Teo Nguong Leong, Pengurus Wilayah, JKR Wilayah Utara, selaku Pegawai Penguasa (SO) projek, manakala MET Malaysia telah diwakili oleh Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak, En. Ambun Dinding.



Aktiviti Jabatan

Kuantan, Pahang

Majlis Penyerahan Menara Radar Cuaca Kuantan telah diadakan pada 19 November 2020 bertempat di SMR Kuantan, Pahang. Pengarah Pejabat Meteorologi Pahang, En. Khairul Najib Ibrahim, telah mewakili jabatan untuk menerima menara radar yang diserahkan oleh Ir. Azlizu Binti Baharuddin, Jurutera Daerah Kuantan. Sistem radar cuaca baharu dijangka akan dipasang dan beroperasi di SMR Kuantan dan Miri masing-masing bermula suku pertama dan kedua tahun 2021.



MESYUARAT PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) DAN SESI LIBAT URUS BERSAMA PASUKAN PKP




Mesyuarat PKP dan sesi libat urus bersama pasukan PKP telah diadakan pada 29 hingga 30 September 2020 bertempat di Hotel Sama-sama, Sepang. Program ini telah dihadiri oleh 43 orang pegawai yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pemandu PKP, Koordinator PKP, Sekretariat PKP, Pasukan Pemulihan Bencana, Pasukan Tindakbalas Kecemasan dan Pasukan Komunikasi Krisis.

Mesyuarat dan sesi libat urus ini diadakan bagi memastikan PKP dapat dilaksanakan dengan jayanya sekira berlaku sebarang gangguan kepada perkhidmatan utama jabatan dan sesi libat pula bertujuan untuk menambahbaik dokumen sedia ada agar selari dengan garis panduan semasa.

LATIHAN SIMULASI PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP)

Pada 15 Oktober 2020, latihan simulasi PKP yang melibatkan Koordinator PKP, Pasukan Pemulihan Bencana (DRT), Pasukan Tindak Balas Kecemasan (ERT) dan Pasukan Komunikasi Krisis (CCT) telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia. Latihan simulasi ini diadakan bagi menguji kebolehoperasian perkhidmatan utama seperti cuaca dan geofizik di luar pejabat sekiranya terdapat kejadian yang boleh menjejaskan perkhidmatan sedia ada.




Pengosongan Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional semasa latihan simulasi



Pasukan DRT dan CCT sedang melaksanakan latihan simulasi

Aktiviti Jabatan

LAWATAN VIRTUAL INSTITUT TEKNOLOGI BANDUNG



Pada 8 Disember 2020, MET Malaysia telah menerima lawatan secara virtual seramai 35 orang mahasiswa dan Ketua Program, Dr. Nurjanna Joko Trilaksono dari Program Studi Meteorologi, Institut Teknologi Bandung. Kunjungan tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mahasiswa berkaitan bidang meteorologi marin.

Lawatan virtual tersebut telah dilaksanakan melalui sesi pembentangan oleh pegawai dari Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional (POCGN), Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal (BPPT) dan Unit Komunikasi Korporat. Tiga video berkaitan pengenalan kepada MET Malaysia, penjaanaan produk marin oleh BPPT dan penggunaan produk marin dalam operasi di POCGN telah ditayangkan dalam lawatan tersebut.

PENYAMPAI CUACA MET MALAYSIA

Segmen laporan cuaca di Radio Televisyen Malaysia (RTM) oleh MET Malaysia telah bermula sejak tahun 2006. Laporan cuaca ini disampaikan oleh Pegawai Meteorologi yang bertugas di Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional (POCGN) setiap hari secara giliran. Segmen laporan cuaca kekal relevan sehingga kini dan telah menjadi segmen tetap di RTM melalui rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) (8:00 pagi), Berita Wilayah (5:00 petang) dan Berita Nasional (8:00 malam). Penyebaran maklumat cuaca melalui televisyen merupakan antara medium penyebaran yang penting dalam persediaan dan mitigasi bencana berkaitan cuaca. Selain paparan visual interaktif yang digunakan di televisyen, penampilan penyampai cuaca yang ceria juga dapat menarik minat penonton televisyen untuk mengikuti dan memahami laporan cuaca yang disampaikan dan seterusnya membolehkan maklumat cuaca tersebar luas dengan lebih berkesan serta memberi manfaat kepada masyarakat umum.

Buat masa ini, MET Malaysia mempunyai sembilan orang penyampai cuaca yang terdiri daripada lima orang pegawai wanita dan empat orang pegawai lelaki. Sebagai penyampai cuaca televisyen, pegawai-pegawai ini menggalas tanggungjawab bukan sahaja sebagai 'Duta Penyampai Mesej MET Malaysia dan KASA' malah mereka perlu memastikan imej dan personaliti yang positif dipaparkan kepada penonton televisyen dan seterusnya dapat meningkatkan nilai komersil dan imej MET Malaysia, KASA dan RTM secara keseluruhan.



LAWATAN RESEARCHER-INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE (RISE)



Pada 2 September 2020, ahli pasukan projek RISE yang terdiri daripada pegawai MET Malaysia dan pihak MAP2U telah mengadakan lawatan ke PDSA Enstek. Lawatan ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada ahli pasukan projek mengenai HPC (High Performance Computing) yang dioperasikan oleh MET Malaysia di PDSA Enstek. Pihak MAP2U telah memberikan taklimat mengenai projek MyRaINS berkaitan dengan teknologi GIS yang terkini serta aplikasi GIS dalam bidang meteorologi.



BENGKEL LANJUTAN PENGEMASKINIAN RANCANGAN KONTINGENSI KAWALAN TUMPAHAN MINYAK (RKKKTM)

Bengkel Lanjutan Pengemaskinian RKKKTM telah diadakan di Imperial Heritage Hotel, Melaka pada 22 hingga 25 September 2020. Bengkel ini merupakan lanjutan dari bengkel kajian yang telah diadakan pada tahun 2019. Dua pegawai, Encik Nursalleh K Chang@ Nursalleh Bin Kasim dan Encik Muhammad Mikhael Cadorna dari Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal telah menghadiri bengkel ini.

Hasil daripada perbincangan dan pembentangan dalam bengkel tersebut, MET Malaysia telah diiktiraf sebagai agensi yang akan membekalkan ramalan trajektori dalam insiden tumpahan minyak di perairan negara bersama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Laut dan PETRONAS.



SYARAHAN SUBJEK AERODINAMIK

Pada 16 November 2020, En. Muhammad Ikmalnor, Penolong Pegawai Meteorologi dari Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan telah dijemput oleh pihak Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM untuk menyampaikan sesi perkongsian ilmu bersama pelajar yang mengambil subjek Aerodinamik. Topik yang dikongsikan bersama adalah mengenai pembenihan awan dari segi teknik, mengenal pasti awan dan teknologi terkini serta unsur-unsur aerodinamik yang wujud ketika operasi pembenihan awan dijalankan.



Aktiviti Jabatan

2020 COMMON ALERTING PROTOCOL (CAP) TRAINING AND IMPLEMENTATION ONLINE WORKSHOP

Pada 29 hingga 30 September 2020, seramai tujuh orang pegawai dari Bahagian Komunikasi Meteorologi telah mengikuti *2020 Common Alerting Protocol (CAP) Implementation Online Workshop* yang diadakan secara video call-in.

Bengkel anjuran *International Telecommunication Union (ITU)* dengan kerjasama *World Meteorological Organization* disertai oleh agensi-agensi pelbagai negara yang terlibat dalam penyebaran amaran awal. Bengkel ini bertujuan berkongsi maklumat dan perkembangan terkini dalam penyaluran amaran dan pelaksanaan CAP di negara masing-masing.



PROSES SANITASI BANGUNAN DI IBU PEJABAT MET MALAYSIA

Pada 18 dan 21 November 2020, Ibu Pejabat MET Malaysia telah melaksanakan proses sanitasi meliputi kawasan gunasama seperti bilik mesyuarat, surau, ruang pejabat operasi, ruang legar, lif dan tandas di Blok B, C dan D. Di samping itu semua staf dan pelawat perlu mematuhi SOP yang ditetapkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan.



Aktiviti Jabatan

PEMERIKSAAN DAN PENGGREDAN KEBERSIHAN TANDAS AWAM

Pada 4 Disember 2020, Pasukan Pemeriksaan Kebersihan Tandas Awam daripada Unit Kawalan Tandas Awam, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menilai tandas di Blok C Aras 2 sebagai penilaian tahun 2020. Selepas penilaian dan pembentangan markah, MET Malaysia telah berjaya mendapat markah 96% dan telah menerima Sijil Pengiktirafan 5 Bintang.



Aktiviti Jabatan

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN



MAJLIS BERSAMA JABATAN

Apa itu MBJ?
Sebuah medium dua hala iaitu Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pegawai dalam menyuarakan pendapat, pandangan dan menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

Apakah isu-isu yang boleh dibawa oleh wakil ke MBJ?

- Elaun dan Kemudahan
- Hal Skim Perkhidmatan dan Perjawatan
- Hal Kewangan
- Hal Kebajikan
- Hal Perkhidmatan
- Hal Pentadbiran

Bagaimana pula dengan masalah yang melibatkan individu dalam organisasi, adakah MBJ boleh membantu dalam hal ini?
Hal-hal perseorangan atau masalah peribadi anggota perkhidmatan seharusnya diselesaikan secara pentadbiran peringkat dalaman.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 3, MET Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada 12 November 2020 melalui dua medium iaitu kehadiran secara fizikal di Bilik Mesyuarat Cumulus dan secara telesidang.


Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Jailan bin Simon, KP MET Malaysia dan telah dihadiri oleh 8 orang wakil pihak pegawai dan 15 orang wakil pihak pekerja yang mewakili pelbagai skim dan gred. Pelbagai isu telah dibangkit dan dibincangkan bagi memastikan Jabatan akan sentiasa terus cemerlang seiring dengan misi dan visi MET Malaysia.

KURSUS MET MALAYSIA

Sebanyak enam kursus telah dianjurkan dari September hingga Disember 2020 oleh Bahagian Latihan Teknikal yang terbahagi kepada lima kursus teknikal dan satu kursus generik.

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
1.	Kursus <i>Heatwave Estimation and Temperature and Monitoring System</i>	28 – 30 September 2020
2.	Kursus Pemantapan & Pengendalian <i>Sistem Automatic Weather System (AWS)</i> Bagi Stesen Meteorologi Utama Serta Stesen Udara Atas	05 – 09 Oktober 2020
3.	Kursus Pemantapan Pencerapan Cuaca dan Pengendalian Sistem <i>Automatic Weather System (AWS)</i> Bagi Negeri Terengganu dan Kelantan	19 – 21 Oktober 2020
4.	Kursus <i>Data Science Using Phyton</i>	19 – 23 Oktober 2020
5.	Kursus Interpretasi Output NWP Dan <i>Forecast Tools</i> , BPPT Untuk Operasi POCGN	20 Oktober 2020 dan 02 – 04 November 2020
6.	Kursus Pemantapan Pengurusan Kewangan Dan Perolehan	27 – 28 Oktber 2020

Aktiviti Jabatan



Aktiviti Jabatan

GOTONG ROYONG SUNGAI GONG

Pada 3 Oktober 2020, MET Malaysia telah menyertai program gotong-royong bersama agensi-agensi lain di bawah KASA, Kerajaan Negeri dan NGO di Sungai Gong, Rawang bagi memastikan kelestarian sungai terpelihara.



AKTIVITI AKRAB

Pada 5 November 2020, AKRAB MET Malaysia dengan kerjasama daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuka Kaunter Suntikan Hepatitis B dos kedua kepada kakitangan Ibu Pejabat MET Malaysia. Ia adalah lanjutan daripada suntikan dos pertama yang telah diambil pada 22 September 2020. Program ini bermula dari jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi di Bilik VVIP Tingkat 8, Blok C. Suntikan ini dikendalikan oleh pihak KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah Petaling secara percuma.

Seramai 16 orang kakitangan telah hadir untuk mendapatkan suntikan tersebut termasuklah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), En. Muhammad Helmi Bin Abdullah. Bagi kakitangan yang tidak berkesempatan hadir untuk suntikan dos kedua, mereka dinasihatkan untuk terus ke Klinik Kesihatan Petaling untuk melengkapkan dos suntikan.



Aktiviti Jabatan

AKTIVITI SUKAN KKSMM

Pada tahun ini, perancangan Sukan Inter Bahagian Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) bagi Tahun 2020 tidak dapat dijalankan sepenuhnya disebabkan penularan wabak COVID 19. Namun demikian dengan melaksanakan dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia terdapat aktiviti sukan indoor bagi Sukan Inter Bahagian yang telah dijalankan bagi bulan September dan Oktober 2020 adalah seperti berikut:

Acara

Catur
Dam Haji dan Karom
Sepak Raga Bulatan dan Dart

Tarikh

19 September 2020
26 September 2020
03 Oktober 2020



Aktiviti Jabatan



Pada 19 September 2020, KKSM telah menganjurkan satu kejohanan Congkak dan Batu Seremban yang bertempat di Lobi Utama, MET Malaysia.



Aktiviti Jabatan

AKTIVITI PUSPANITA

Pada Sepetember dan Oktober, sebanyak tiga aktiviti telah dilaksanakan oleh PUSPANITA MET Malaysia.

1

JUALAN PUSPANITA
4 dan 25 September 2020



2

**PERTANDINGAN KAROM DAN
DAM HAJI**
18 September 2020



3

DEMO KERABU MAGGI
09 Oktober 2020




FENOMENA CUACA



Fog bow ini dirakam pada 6 September 2020 di ruang pencerapan Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu.



Iridescent Cloud ini dirakam pada 12 Disember 2020 di ruang pencerapan Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu.



Sun rays ini dirakam pada 28 Disember 2020 di ruang pencerapan Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu.

Aktiviti Jabatan

Fenomena optikal Corona ini dirakam pada 24 September 2020 jam 10.00 pagi di ruang pencerapan Pejabat Meteorologi Cameron Highlands.



Awan Altocumulus Lenticular ini dirakam pada 17 Oktober 2020 jam 6.47 petang di ruang pencerapan Pejabat Meteorologi Cameron Highlands.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI NEGERI SEMBILAN

01

4 September 2020

GOTONG - ROYONG MENYEDIAKAN BUBUR ASYURA

Pada 4 September 2020, kakitangan PM Negeri Sembilan telah bergotong-royong menyediakan bubur Asyura. Aktiviti tersebut telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12 tengah hari.



GOTONG - ROYONG MEMBERSIHKAN PEJABAT

9 September 2020

02

Pada 9 September 2020 seramai 10 kakitangan dan tiga ahli keluarga telah bersama-sama menjayakan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar pejabat supaya bersih, selamat dan ceria.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI PERAK

26 Nov 2020

LAWATAN KE STESEN AUKSILIARI ESTATE RUBANA SIME DARBY

Pada 26 November 2020, Pengarah PM Perak, En. Ibrahim bin Johari dan Penyelia PM Perak, En. Saaidon bin Mat Khamis telah mengadakan lawatan ke lokasi baharu Stesen Auksiliari Estate Rubana yang akan dinaik taraf ke Stesen Auksiliari AWS. Lawatan ini turut disertai oleh Pengurus Estate, En. Francis Ng.



2 Dis 2020

PEMERIKSAAN SISTEM KESELAMATAN KEBAKARAN

Pada 2 Disember 2020, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Zon 3 Perak telah melakukan pemeriksaan di PM Perak.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

12-13 Ogos 2020

MESYUARAT BERSAMA PENYELIA-PENYELIA NEGERI PERAK



Pada 8 Disember 2020, Pengarah PM Perak telah mempengerusikan Mesyuarat Bersama Penyelia-penyelia bertempat di PM Kuala Kangsar, Perak. Semua penyelia daripada PM Perak, PM Ipoh, PM Kuala Kangsar dan Ketua Stesen Seismologi Ipoh telah menghadiri mesyuarat tersebut.

PEJABAT METEOROLOGI MELAKA

Pada 2 Oktober 2020, perbincangan kerjasama telah diadakan dengan Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), UTeM di Pejabat Meteorologi Melaka. Perbincangan ini turut disertai oleh pegawai di Ibu Pejabat yang bertujuan mendapatkan input bagi pembangunan produk pemantauan banjir yang dijangka akan memberi manfaat kepada negeri dan masyarakat setempat di Melaka.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI PULAU PINANG

02 Nov 2020

Pengarah Pejabat Meteorologi Pulau Pinang yang baharu, En. Ramlan Bin Ab.Rahman telah melapor diri pada Isnin, 2 November 2020. Beliau menggantikan tempat Tuan Haji Azemi Daud yang kini sedang bercuti sebelum bersara yang telah ditempatkan ke Bahagian Latihan Teknikal, Ibu pejabat MET Malaysia.



16 Nov 2020

Pada 16 November 2020, Pengarah Pejabat Meteorologi Pulau Pinang mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Meteorologi Butterworth dan Pejabat Meteorologi Prai.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

17 Nov 2020

Pada 17 November 2020, Mesyuarat Dalaman, Keselamatan, Pegawai dan MS ISO 9001:2015 telah diadakan Pejabat Meteorologi Pulau Pinang.



19 Nov 2020



Pada 19 November 2020, Pengarah Meteorologi Pulau Pinang telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah CAAM (Civil Aviation Authority of Malaysia) En.Muddatstsir Bin Mashor.

Aktiviti Pejabat Meteorologi

25 Nov 2020

Pada 25 November 2020, Mesyuarat Dalaman, Keselamatan dan MS ISO 9001:2015, diadakan di Pejabat Meteorologi Butterworth.



26 Nov 2020

Pada 26 November 2020, pengujian Sub-Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) –Siren Tsunami di Pulau Pinang telah dilaksanakan di dua lokasi iaitu di kawasan Masjid Jamek Ar-Rahman, Batu Ferringhi dan kawasan tempat letak kereta LKIM, Teluk Bahang. Pengujian ini bertujuan memastikan siren Tsunami sentiasa berada di dalam keadaan siapsiaga dan berfungsi sepenuhnya apabila amaran tsunami dikeluarkan.



Aktiviti Pejabat Meteorologi

17 Dis 2020

Pada 17 Disember 2020, Pengarah Meteorologi Pulau Pinang telah mengadakan lawatan ke Stesen Seismik Empangan Mengkuang dan Stesen AWS Mardi Bertam.



20 Dis 2020



Untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan menggalakkan ahli-ahli bersukan bagi meningkatkan tahap kesihatan, Kelab Sukan PM Pulau Pinang telah diwujudkan. Buat masa ini sesi badminton telah diadakan pada setiap hari Selasa dan Jumaat.

Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI WP LABUAN

01 Nov 2020



Pada 1 November 2020, warga kerja Pejabat Meteorologi Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan kerja membersihkan kawasan kuarters dengan bantuan kakitangan Perbadanan Labuan.

PEJABAT METEOROLOGI TAWAU

09 Dis 2020



Pada 9 Disember 2020, Pejabat Meteorologi Tawau telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan tangki air, menceriakan bangunan dan sesi memasak di perkarangan pejabat. Di samping menceriakan dan menjaga kebersihan pejabat, aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan kakitangan.

Aktiviti Pejabat Meteorologi

PEJABAT METEOROLOGI PAHANG

01

17 Sept 2020

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN KURSUS SEARCH AND RESCUE - SAR MISSION COORDINATOR (SMC) APMM SIRI 5 BIL. 01/2020

Lawatan sambil belajar dan kursus SAR disertai seramai 11 pegawai Maritim daripada Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah dan dua pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia. Encik Diong Jeong Yik daripada ibu pejabat telah menyampaikan ceramah sepanjang tempoh kursus pada 17 September 2020.



02

21 – 22 Sept 2020

LAWATAN AKADEMIK POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH



Seramai 40 orang pelajar dan enam pensyarah pengiring daripada Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang telah mengadakan lawatan akademik pada 21 dan 22 September 2020 ke Pejabat Meteorologi Pahang.

Aktiviti Pejabat Meteorologi

03

14 Okt 2020

LAWATAN SAMBIL BELAJAR AIR COMBAT INDUCTION COURSE SERIES 4/20

Program lawatan peserta kursus Air Combat Induction Course telah mengadakan lawatan ke Pejabat Meteorologi Pahang pada 14 Oktober 2020. Program lawatan ini adalah sebahagian daripada modul kursus ACIC Series 4/20.



PENGANUGERAHAN PINGAT

Pada 10 Oktober 2020, En.Isa Bin Yahya dari PM Melaka telah menerima Penganugerahan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71, TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam Yang Di-Pertua Negeri Melaka.



DALAM KENANGAN

Ramzan bin Samsudin
Tarikh Bersara: 4 Mei 2014
Tarikh Meninggal: 16 Ogos 2020
Penempatan Terakhir:
Pusat Meteorologi
Penerbangan Nasional

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

Allahummaghfirlahu warhamhu wa'afihi wa'fu'anh

"ya allah, ampunilah dia, belas kasihlanilah dia, hapuskanlah dan ampunilah dosa-dosanya"

PERTUKARAN PEGAWAI

BIL	NAMA	JAWATAN	DARI	DITUKAR KE
1.	Lim Ze Hui	JUSA C (MEM)	Bahagian Latihan Teknikal	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional
2.	Ramlan bin Ab. Rahman	C54 (MEM)	Unit Komunikasi Korporat	Pusat Meteorologi Pulau Pinang
3.	Phuah Eng Beng	C48	Pusat Meteorologi Pulau Pinang	Pusat Meteorologi Butterworth
4.	Zureen Norhaizatul binti Che Hassan	C44	Bahagian Aplikasi Sarawak	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal
5.	Najhan Azima binti Nawai	C44	Pejabat Meteorologi Sarawak	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional
6.	Wan Azlina binti Wan Ab. Aziz	C44	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional	Bahagian Latihan Teknikal
7.	Ruzamin bin Pilus	C41	Pejabat Meteorologi Pulau Pinang	Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional
8.	Wellson David	C38	Pejabat Meteorologi Wilayah Persekutuan Labuan	Bahagian Aplikasi Sabah
9.	Azah Shahmeem binti Kader Bashah	C38	Pejabat Meteorologi Pulau Pinang	Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional
10.	Azra binti Mohamed	C38 (MEM)	Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik	Pejabat Meteorologi Tawau
11.	Ab Rahman bin Buang	C38 (MEM)	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional	Pejabat Meteorologi Wilayah Persekutuan Labuan

Berita Kakitangan

12.	Rosli bin Abu Bakar	C38 (MEM)	Unit Komunikasi Korporat	Pejabat Meteorologi Pulau Pinang
13.	Roslan bin Abdul Hamis	C32	Pejabat Meteorologi Ipoh	Bahagian Radar dan Satelit Meteorologi
14.	Mohd Azlan Shah bin Mustafa Kamal	C32	Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik	Pejabat Meteorologi Pahang
15.	Muhammad Dzaihan bin Jaffar	C32 (MEM)	Bahagian Aplikasi Sabah (Seksyen Teknikal)	Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik
16.	Parmo bin Ngaiman	C32 (MEM)	Bahagian Aplikasi Sarawak (Seksyen Alatan)	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional (PM Sepang)
17.	Leng anak Gaung	C32 (MEM)	Pejabat Meteorologi Miri	Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik
18.	Ahmad Nazri bin Hamzah	C32 (MEM)	Pejabat Meteorologi Pahang	Pejabat Meteorologi Ipoh
19.	Muhammad Iqbal bin Mohamad Puzi	C32 (MEM)	Pejabat Meteorologi Kedah	Pusat Meteorologi Teknikal Penerbangan Nasional
20.	Mohammad Azlan bin Mohamed Kassim	C29	Pejabat Meteorologi Butterworth	Bahagian Aplikasi Sarawak (Seksyen Alatan dan ICT)
21.	Nor Shafiq bin Nordin	C29	Pejabat Meteorologi Bayan Lepas	Pejabat Meteorologi Butterworth
22.	Nurulhuda binti Yaakob	C29	Bahagian Komunikasi Meteorologi	Pejabat Meteorologi Pahang
23.	Muhamad Fahmi bin Muhamad Khalid	C29	Pejabat Meteorologi Kerteh	Stesen Seismologi Kuala Terengganu
24.	Nazaiha binti Md Nazri	C29	Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional	Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional
25.	Hilda Anak Bakat	N19	Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan dan Perolehan)	Bahagian Aplikasi Sarawak

PERSARAAN KAKITANGAN SEPT – DIS 2020



Sekalung Penghargaan Kepada Semua Pesara

Amat ketara pucuk siantan,
Rasa segar tepian titi,
Selamat bersara ufuk ingatan,
Mekar jasa di taman bakti.

ZAHARA BINTI HALIM

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Gred N19

Seksyen Pentadbiran

Tarikh Persaraan: 09 Sept 2020

Tempoh Perkhidmatan: 35 Tahun



MARY JIEW LEE FONG

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pejabat Meteorologi Sarawak

Tarikh Persaraan: 20 Sept 2020

Tempoh Perkhidmatan: 35 Tahun

Berita Kakitangan

LING LEONG KWOK

Pegawai Meteorologi Gred Utama C
Pusat Instrumentasi Meteorologi Sains
Atmosfera & Pembenihan Awan
Tarikh Persaraan: 23 Sept 2020
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



ANGELA LEE SIEW YEN

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pejabat Meteorologi Sarawak
Tarikh Persaraan: 05 Okt 2020
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun

HARUN BIN ISMAIL

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Pusat Iklim Nasional
Tarikh Persaraan: 26 Okt 2020
Tempoh Perkhidmatan: 38 Tahun



ABDUL RAHIM BIN AWANG

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Bahagian Instrumentasi Meteorologi
Tarikh Persaraan: 01 Nov 2020
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



ZULKIFLI BIN AWANG

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Pejabat Meteorologi Pahang
Tarikh Persaraan: 08 Dis 2020
Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun

Berita Kakitangan

SELEARAJEN A/L SUBRAMANIAM

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C38

Pusat Operasi Cuaca & Geofizik Nasional

Tarikh Persaraan: 13 Dis 2020

Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun



SUGIMAN BIN PAIJO

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32

Pejabat Meteorologi Sarawak

Tarikh Persaraan: 18 Dis 2020

Tempoh Perkhidmatan: 39 Tahun